



**SEBUT HARGA BAGI PEROLEHAN MEMBEKAL DAN MENGHANTAR T-SHIRT
UNTUK KEMPEN *GO CASHLESS & WIN*, PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN
TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

1. KENYATAAN AM / TAWARAN

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang **020801** atau **020899** untuk **Sebut Harga Bagi Perolehan Membekal Dan Menghantar T-Shirt Untuk Kempen *Go Cashless & Win*, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

Tajuk	Kategori	Kod Bidang	No. Dokumen	Tarikh Buka Sebut Harga	Tarikh Tutup Sebut Harga
Sebut Harga Bagi Perolehan Membekal Dan Menghantar T-Shirt Untuk Kempen <i>Go Cashless & Win</i> , Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Pakaian atau Pembuat	<u>020801</u> atau <u>020899</u>	PTPTN/ 2018/SH11	02 Mac 2018 (Jumaat)	12 Mac 2018 (Isnin) sebelum jam 12.00 tengah hari
<ul style="list-style-type: none"> Taklimat berkaitan sebut harga akan diadakan pada 05 Mac 2018 (Isnin), jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Perbincangan 3, Tingkat 1, Blok D Menara PTPTN, Megan Avenue II, Jalan Yap Kwan Seng, Kuala Lumpur. 					

- 1.2 Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Bahagian Perolehan, Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II, No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**

- 1.3 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.4 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan/bekalan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.5 **Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.6 Pemilihan syarikat akan dibuat berdasarkan kebolehan dalam **memenuhi skop kerja dan mematuhi spesifikasi yang ditetapkan serta anggaran kos yang ditawarkan** oleh penyebut harga dan hanya penyebut harga yang berjaya akan dihubungi.
- 1.7 Pihak PTPTN berhak menamatkan perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :
- a) Tidak mematuhi skop kerja;
 - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
 - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.8 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut :

Bahagian Perolehan

- i. Encik Zubir bin Che Embi Tel: 03.2193.1015
- ii. Encik Muhammad Jihadullah bin Othman Tel: 03.2193.1441
- iii. Puan Rocida binti Ahmad Tel: 03.2193.1440

**Bahagian Perolehan,
Tingkat 13A, Menara PTPTN, Blok D, Megan Avenue II,
No.12 Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.**